

NO. SOALAN: 429

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG
TEBAL]**

SOALAN:

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program pembangunan ummah bagi kepentingan umat Islam serta nyatakan kos pelaksanaannya yang dilakukan oleh YaPIEM semenjak tahun 2010 hingga September 2016.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan objektif penubuhan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM) untuk membangunkan ekonomi umat Islam, pelbagai program pembangunan sosioekonomi telah dilaksanakan dan melibatkan perbelanjaan berjumlah **RM201.47 juta** bagi tempoh dari tahun 2010 hingga terkini. Manakala perbelanjaan yang terlibat bagi program pembangunan sosioekonomi yang telah diaudit bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015 adalah berjumlah RM193,430,159.11.

Program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Program Sinar Kasih

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama antara YaPEIM dengan media arus perdana, RTM dan Utusan Malaysia. Ia merupakan langkah

sinergi dalam menangani persoalan anak-anak yatim dan anak-anak keluarga termiskin yang ketua keluarga meninggal kerana musibah seperti kemalangan dan bencana alam. Ia merangkumi bantuan kebajikan dan kewangan serta bantuan perniagaan.

2. Skim Khairat Nasional

Dilaksanakan secara intensif mulai tahun 2009 sebagai inisiatif Jaringan Keselamatan Sosial dalam aspek kebajikan, pendidikan dan membangun usahaniaga kepada anggota keluarga kumpulan sasar yang kehilangan Ketua Keluarga/ Ketua Isi Rumah (KIR) dalam meneruskan kehidupan mereka. Ia meliputi Bantuan Khairat Kematian, Bantuan Balu Tidak Bekerja dan Bantuan Perniagaan.

3. Program Perkasa Komuniti

Program ini merupakan langkah responsif bagi membangun kelompok yang dikenalpasti seperti komuniti yang ditimpa musibah dalam dan luar negara melalui pelaksanaan program yang bersifat pembentukan model dan jaringan perhubungan sesama umat. Program Perkasa Komuniti adalah sebahagian daripada program yang diketengahkan oleh YaPEIM bagi tujuan membangun sosioekonomi ummah yang menjadi agenda utama YaPEIM. Program ini terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu institusi, kawasan dan kampung.

4. Program Kebajikan Am

Program ini meliputi Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan, Memantapkan Kebajikan Ummah, Membangun Institusi Islam, dan Tabung Risalah Islamiah. Antara program terkini yang telah dilaksanakan ialah

Program Inspirasi Ramadhan YaPEIM 1437H (*14 buah negeri dengan melibatkan 17,371 penerima manfaat*), Program Inspirasi UPSR YaPEIM 2016 (*136 buah daerah seluruh Malaysia dengan melibatkan 3,500 buah sekolah dan 63,980 orang penerima manfaat*), Program Inspirasi SPM YaPEIM 2016 (*melibatkan 26 daerah dan 27,000 penerima manfaat*), Program Dialog Antara Penganut Agama yang telah dilaksanakan sebanyak 6 siri dan pelbagai program-program lain Amal Jariah.

5. Skim Anugerah Kecemerlangan Pelajar NnasionaL (SANTUN)

Skim ini diperkenalkan sebagai usaha untuk memberi apresiasi kepada anak-anak di dalam kelompok miskin atau yatim yang telah menunjukkan prestasi tersendiri dalam bidang pelajaran, sekaligus sebagai langkah untuk melakukan islah terhadap masa depan mereka. Sehingga Ogos 2016, program ini melibatkan seramai 5,539 orang pelajar.

6. Kelab Maya Sahabat ar Rahnu YaPEIM (KELAB MASA)

Kelab ini diperkenalkan sebagai usaha mewujudkan komuniti Ar Rahnu yang benar-benar dapat memanfaatkan Ar Rahnu YaPEIM sebagai saluran mendapatkan modal bagi menjayakan perniagaan secara kecil-kecilan seterusnya berusaha memajukan diri dan keluarga. Jumlah terkini anggota kelab ini adalah 126,543 orang. Bentuk sumbangan dalam bentuk pengisian ilmu, kemahiran dan pembentukan sikap melalui Latihan kemahiran Keusahawanan, Program Vendor untuk YaPEIM Smart dan Program Rangkaian Peruncitan Mini (PERKASA). Sebanyak 322 peruncit dikenalpasti sebagai calon program PERKASA.

7. Program Mikro Kredit ar Rahnu

Program Mikro Kredit Ar Rahnu adalah ‘entry point’ yang penting kepada pelaksanaan program-program yang lain dan bermotifkan pembangunan sosioekonomi. Pelaksanaanya melalui dua pendekatan iaitu:-

- i. Pelaksanaan melalui Koperasi YaPEIM Berhad – keahlian – 509,162 orang; transaksi gadaian - 3, 197 juta; dan jumlah pembiayaan – RM5.57 bilion.
- ii. Pelaksanaan melalui agen pelaksana termasuk institusi kewangan yang menjalankan kerjasama dengan YaPEIM - jumlah cawangan - 334 ; keahlian – 1,598,193 orang; transaksi gadaian – 8.65 juta; dan jumlah gadaian – RM15.53 juta.

Selain itu, YaPEIM turut menawarkan **Kadar Khas (Caj Istimewa)**, yang disasarkan kepada kepada golongan yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan negara melalui Pengkalan Data eKasih yang telah memberikan manfaat kepada keluarga miskin dan miskin tegar. Seramai 7,207 orang telah memanfaatkan Caj Istimewa ini

8. Program Membangun Ilmu Pengurusan Islami

Program ini diwujudkan adalah untuk membangun, mengembang dan mempraktikkan konsep pengurusan dari perspektif Islam dengan menginstitusikan program-program latihan yang pelbagai. Pelaksanaannya melalui dua pendekatan iaitu program dialog antara penganut agama dan program pengurusan Islami.

Sekian, terima kasih.